

Parti liar, hiburan melampau wajar diharamkan

Terdapat pelbagai jenis hiburan disediakan untuk masyarakat Malaysia kini yang jelasnya tidak memberikan sebarang faedah serta kebaikan malah memberi keburukan dari segi mental dan juga fizikal.

Tidak salah bagi seseorang itu untuk meluangkan masa untuk berhibur bersama rakan, keluarga juga sanak-saudara kerana ia dapat membantu seseorang itu menangani tekanan, menghilangkan penat bekerja dan juga merehatkan minda.

Malangnya, budaya Barat kini semakin meresap ke dalam jiwa remaja. Contohnya, program di televisyen yang kebanyakannya diambil dari luar negara dan tidak ditapis.

Remaja suka meniru

Remaja kini suka meniru dan mencuba segala apa yang dilihat. Hiburan seperti itu banyak mempengaruhi manusia hingga tidak kenal erti sebenar kehidupan. Ada yang melampauai batas hak kemanusiaan dan tidak mampu dilakukan oleh seseorang manusia waras akalnya. Contohnya 'Pool Party' yang diharamkan di Johor pada 4 April lalu.

Tindakan Kerajaan Johor membatalkan hiburan melampau itu menyelamatkan negara daripada



Persembahan hiburan **membabitkan percampuran lelaki dan wanita** banyak keburukan. [GAMBAR HIASAN]

terjebak dengan perkara yang dilarang sama sekali oleh agama Islam. Kita tidak mahu remaja mudah terpengaruh dengan budaya Barat yang bercanggah dengan agama Islam serta budaya di Malaysia.

Misalnya, antara syarat yang dikenakan dalam parti liar itu adalah semua pengunjung haruslah 'separuh bogel' dan akan diberikan minuman keras secara percuma. Perkara yang disyaratkan itu bukan budaya kita. Budaya asing itu jelas

bertentangan dengan budaya tempatan dan Islam.

Pergaulan bebas

Jika parti ini berlaku, maka ramailah remaja yang akan terpengaruh dengan segala perkara yang dilarang dalam Islam. Contohnya, pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan. Islam membataskan pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan.

Pelbagai perkara boleh berlaku sekiranya perkara seperti ini tidak

ditegah. Salah satunya adalah zina. Allah S.W.T telah menyebut di dalam Al-Quran pada surah Al-Isra' ayat 32 bermaksud: "*Dan janganlah kalian mendekati zina; Sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji dan suatu jalan yang buruk.*"

Islam sama sekali tidak menghalang penganutnya untuk berhibur, akan tetapi haruslah mengikut landasan yang telah ditetapkan oleh Islam. Parti liar tidak boleh dibenarkan. Kita wajar menekankan kepada hiburan yang bersesuaian dengan semua lapisan masyarakat dan mengikut perspektif Islam.

Contohnya, hiburan itu tidak membolehkan percampuran bebas antara lelaki dan perempuan, tiada hidangan minuman memabukkan, tiada program yang melalaikan dan sebagainya. Pihak bertanggungjawab haruslah cakna dalam setiap program yang dianjurkan kerana masyarakat akan mendapat manfaat dan kebaikan bagi melahirkan generasi yang berilmu dan bijaksana.

Mohammad Safiuddin Adam,
Universiti Sains Islam Malaysia